Ruj : UKM KPD.BPA.600-4/4/2
Tarikh : 10 Disember 2019

Semua Pelajar
Program Pascasiswazah
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

**PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 2 SESI SESI AKADEMIK 2019-2020**

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa perkuliahan Semester 2 Sesi Akademik 2019-2020 akan **bermula pada 10 Februari 2020.**

Sehubungan dengan itu, disenaraikan perkara penting untuk perhatian dan tindakan pelajar seperti berikut:

| PERKARA | BUTIRAN |
|---|---|
| **PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2019-2020** | Saudara/i boleh mendaftar kursus **bermula 10 – 23 Februari 2020**. Sila rujuk tarikh-tarikh penting di web PKP sebagai panduan. |
| **CAJ LEWAT MENDAFTAR** | Bagi pelajar yang masih tidak membuat pendaftaran selepas tempoh tambah kursus tamat akan dikenakan caj sebanyak RM50 seperti yang terdapat di dalam Peraturan Am Kewangan PKP. |
| **DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR** | Pelajar akan diberikan status **"DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR"** jika tidak membuat pendaftaran sehingga **selewat-lewatnya pada 8 Mac 2020.** |
| **JADUAL PERKULIAHAN** | Jadual perkuliahan akan dipaparkan di laman web PKP **selewat-lewatnya seminggu sebelum sesi perkuliahan bermula**. Pelajar juga dinasihatkan sentiasa menyemak jadual kuliah untuk makluman terkini. |
| **PEMBAYARAN YURAN** | Pelajar hendaklah menjelaskan semua yuran tertunggak dan semasa. Sila buat pembayaran |

| | |
|---|---|
| | yuran sekurang-kurangnya 50% daripada yuran semester **sebelum atau pada 27 Januari 2020.** Pelajar yang mempunyai penaja, sila serahkan surat daripada penaja ke Bahagian Kewangan PKP jika belum berbuat demikian. Pelajar boleh menyemak penyata kewangan menggunakan **Portal E-Kewangan**. |
| **BIODATA PELAJAR DI SMPE** | Pelajar juga bertanggungjawab untuk memastikan biodata pelajar di SMPE adalah terkini pada setiap semester. |

Sila abaikan makluman ini jika saudara/i telah menamatkan pengajian pada Semester 1 Sesi Akademik 2019-2020.

Sekian, selamat maju jaya dan terima kasih.

Yang benar,

**NOOR SUZILAWATI BINTI DESA**
Ketua Bahagian Pengurusan Akademik
b.p. Timbalan Pengarah

s.k. - Penyelaras Program
- Penolong Pendaftar, Unit Pengurusan Program & Rekod Pelajar PKP
- Penolong Bendahari, Bahagian Kewangan PKP
- Pegawai Teknologi Maklumat Kanan, Jabatan Teknologi Maklumat PKP